

# Kerajaan jamin tak naik harga minyak

Serangan terhadap Lubnan punca melonjak di pasaran dunia



**K**ERAJAAN tetap berpegang 'kepada- janjinya tidak menaikkan harga minyak tahun ini walaupun berlaku kenaikan harga bahan api di pasaran dunia berikutan perkembangan terbaru di Asia Barat, kata Datuk Seri Najib Razak.

"Kita terpaksa patuh kepada janji yang dibuat kepada rakyat bahawa harga minyak tidak akan naik sepanjang tahun ini sekali pun harga naik sehingga AS\$77 dan AS\$78 se-

tong. Kita akur pada janji kita," kata Timbalan Perdana Menteri.

Beliau bercakap kepada wartawan Malaysia selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Thailand ke-46 bersama Menteri Pertahanan Thailand, Jeneral Thammarak Isarangura di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenaikan harga minyak di pasaran dunia berikutan serangan tentera Israel ke atas Lubnan dan Palestin, kelmarin, yang mengorbankan sekurang-kurangnya 50 orang dan mencederakan lebih 100 yang lain.

Sebelum ini, kerajaan sudah berulang kali menegaskan tidak akan menaikkan lagi harga minyak selepas kali terakhir berbuat demikian

awal tahun ini yang menyaksikan kenaikan 30 sen seliter bagi petrol dan diesel.

Najib berkata, kenaikan harga minyak itu membuktikan ia bukan tindakan kerajaan yang sengaja menaikkan harganya, tetapi disebabkan peningkatan harga di pasaran dunia.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat memahami apa yang sebenarnya berlaku apabila harga minyak naik.

"Ini bukti apa yang kita katakan Selama ini. Ini disebabkan harga pasaran dunia dan janganlah guna isu ini untuk menyalahkan kerajaan dan kita akan terus buat sedaya upaya untuk lindungi kepentingan rakyat," katanya.

FAKTA NOMBOR

Harga minyak di pasaran sekarang

**AS\$78**

Harga minyak setong

**30 sen**

Kali terakhir harga minyak dinaikkan